



JABATAN PREMIER SARAWAK

(UNIT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 19 TAHUN 2023

DARIPADA: **Setiausaha Kerajaan Sarawak**

KEPADA: **Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Sarawak
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan**

SALINAN
KEPADA: **Pengarah Audit Negara, Cawangan Sarawak
Pengarah Audit Dalam**

PERKARA: **PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN KE LUAR SARAWAK (DALAM MALAYSIA) / NEGARA (LUAR MALAYSIA) ATAS URUSAN RASMI**

RUJUKAN: **6/JPS/UPPSM/SK/500-3/5/1/2/JLD.8**

TARIKH: **23 AUG 2023**

1. TUJUAN

Pekeliling Perjawatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan Sarawak untuk membenarkan pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak ke luar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Malaysia) **atas urusan rasmi**.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Sarawak pernah mengeluarkan **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 5 Tahun 2022** berkaitan kebenaran ke luar Sarawak (dalam Malaysia) **atas urusan rasmi**. Pekeliling tersebut menerangkan tentang prosedur dan kuasa melulus bagi kebenaran keluar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Malaysia).
- 2.2 Bagaimanapun, Kerajaan Sarawak telah bersetuju untuk membuat beberapa penambahbaikan ke atas prosedur permohonan keluar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Malaysia) **atas urusan rasmi** tersebut.

"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"



082 - 441957



082 - 445613



hrmmaklumat@sarawak.gov.my

3. **PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR PERMOHONAN KE LUAR SARAWAK / NEGARA ATAS URUSAN RASMI**

3.1 **Kuasa Melulus**

(i) **Pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak**

Kuasa melulus bagi kebenaran ke luar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Malaysia) **atas urusan rasmi** bagi pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak adalah seperti berikut:-

(a) **Luar Sarawak (dalam Malaysia)**

Kategori Pegawai	Bilangan Pegawai	Kuasa Melulus
Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan	-	Setiausaha Kerajaan Sarawak
Pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak (Selain Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan)	1 - 2	Ketua Jabatan
	3 dan lebih	Pengarah Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (UPPSM)

(b) **Luar Negara (luar Malaysia)**

Kategori Pegawai	Kuasa Melulus
Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan	Setiausaha Kerajaan Sarawak
Pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak (Selain Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan)	Pengarah Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (UPPSM)

- (ii) **Pegawai Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan** Kuasa melulus bagi kebenaran ke luar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Malaysia) **atas urusan rasmi** bagi pegawai **Badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan** adalah seperti berikut:-

(a) Luar Sarawak (dalam Malaysia)

Agensi	Kategori Pegawai	Kuasa Melulus
Badan Berkanun Sarawak	Ketua Agensi dan Timbalan Ketua Agensi	Setiausaha Kerajaan Sarawak
	Semua Pegawai (Selain Ketua Agensi dan Timbalan Ketua Agensi)	Ketua Agensi
Pihak Berkuasa Tempatan	Datuk Bandar / Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Setiausaha Kerajaan Sarawak
	Setiausaha Bandaraya / Setiausaha Majlis	Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
	Pegawai – pegawai lain	Ketua Agensi

(b) Luar Negara (luar Malaysia)

Agensi	Kategori Pegawai	Kuasa Melulus
Badan Berkanun Sarawak	Ketua Agensi dan Timbalan Ketua Agensi / Pegawai Kanan (Gred 48 ke atas)	Setiausaha Kerajaan Sarawak
	Pegawai – pegawai lain	Ketua Agensi
Pihak Berkuasa Tempatan	Datuk Bandar / Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) / Setiausaha Bandaraya / Setiausaha Majlis / Pegawai Kanan (Gred 41 ke atas)	Setiausaha Kerajaan Sarawak
	Pegawai – pegawai lain	Ketua Agensi

3.2 Kaedah Mengemukakan Permohonan kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak

- (i) Semua permohonan ke luar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Negara) atas urusan rasmi bagi pegawai Perkhidmatan Awam Sarawak, Badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak hendaklah dibuat melalui *Modul Travel Request* dalam *Government Employee Management System (GEMS)*;
- (ii) Bagi permohonan secara **individu**, permohonan hendaklah dibuat tab *Employee Self Service (ESS)*;
- (iii) Bagi permohonan secara **berkumpulan**, permohonan hendaklah dibuat tab *HR Admin*; dan
- (iv) Permohonan kebenaran ke luar Sarawak (dalam Malaysia) / negara (luar Malaysia) atas urusan rasmi hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus berkaitan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh perjalanan.

3.3 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan adalah disampaikan melalui Sistem GEMS dan boleh digunapakai sebagai dokumen sokongan bagi tujuan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran khas kepada pegawai kerana menjalankan tugas rasmi.

3.4 Rombongan diketuai Menteri atau Timbalan Menteri

Bagi perjalanan melibatkan sebuah rombongan yang diketuai oleh Menteri Atau Timbalan Menteri, adalah dinasihatkan supaya Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan menyediakan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan dan kelulusan.

3.5 Peringatan

- (i) Adalah perlu **DIPERINGATKAN** sekiranya tiada sebarang kelulusan diberikan untuk perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi, pegawai tidak dibenarkan meneruskan perjalanan berkenaan. **Kelulusan secara retrospektif tidak akan dipertimbangkan.**
- (ii) Justeru itu sebarang kos urusan rasmi ke luar negara yang tidak / belum mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa melulus sebelum perjalanan hendaklah ditanggung / dibayar oleh pegawai berkenaan secara peribadi.
- (iii) Pegawai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan yang tinggi sebelum / semasa / selepas urusan rasmi di luar negara.

(iv) **Ketua Jabatan adalah** diminta untuk menghadkan jumlah lawatan terutamanya, ke luar negara dan jika perlu, buat pengaliran dengan timbalan dan pegawai kanan lain.

4. PENGECUALIAN

Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Pekeliling Perjawatan ini hendaklah mendapat pertimbangan dan kelulusan Setiausaha Kerajaan Sarawak.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perjawatan ini maka **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 3 Tahun 2023** adalah **dibatalkan**.

6. TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Perjawatan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perjawatan ini pada keseluruhannya juga dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”



DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN MARZUKI
Setiausaha Kerajaan
SARAWAK